

# LEMBARAN FAKTA INTERSEKS

## APAKAH MAKSUD 'INTERSEKS'?

Individu interseks ialah individu-individu yang lahir dengan ciri-ciri seks (termasuklah genital atau alat kelamin, gonad atau organ seperti testis dan ovari, dan corak kromosom) yang berlainan daripada tubuh badan tipikal binari lelaki atau perempuan. Interseks ialah istilah payung yang digunakan untuk merujuk kepada pelbagai variasi tubuh badan. Dalam sesetengah kes, ciri-ciri interseks adalah ketara manakala bagi sesetengah individu pula ciri-ciri interseks tidak ketara sehinggalah mereka mengalami akil baligh. Terdapat juga variasi kromosom interseks yang mungkin tidak ketara langsung.

Menurut pakar-pakar, antara 0.05% hingga 1.7% daripada populasi kita lahir dengan ciri-ciri interseks - anggaran 1.7% ini sama dengan nombor individu yang berambut merah.

Interseks berkait dengan ciri-ciri seks biologikal, dan ianya berbeza daripada orientasi seksual atau identiti gender seseorang. Seorang individu interseks boleh mempunyai orientasi seksual heteroseksual, gay, lesbian, biseksual atau aoseksual, dan mungkin mengidentifikasi diri sebagai perempuan, lelaki, kedua-duanya atau bukan mana-mana identiti.

Oleh sebab tubuh badan mereka dilihat sebagai berbeza, kanak-kanak dan golongan dewasa interseks selalunya mengalami stigma dan pelbagai bentuk pencabulan hak asasi manusia, termasuklah pencabulan hak mereka kepada kesihatan dan integriti fizikal, hak untuk bebas daripada penyeksaan serta layanan yang zalim, dan hak untuk menikmati kesaksamaan serta bebas daripada diskriminasi.

## INTEGRITI FIZIKAL

Pembedahan dan prosedur lain yang tidak perlu yang bertujuan untuk mencuba memastikan penampilan kanak-kanak interseks mematuhi stereotaip seks binari merupakan satu amalan yang biasa terhadap kanak-kanak interseks.

Prosedur-prosedur ini yang selalunya bersifat kekal boleh membawa kesan tetap terhadap kesuburan, kesakitan, inkontinensia (kesukaran mengawal pembuangan air kencing), kehilangan sensasi seksual, dan kesan terhadap kesihatan mental yang berpanjangan, seperti kemurungan. Sering kali pembedahan dan prosedur-prosedur ini dilakukan tanpa persetujuan bermaklumat, penuh dan bebas oleh individu-individu berkenaan yang selalunya terlalu muda untuk turut serta dalam proses membuat keputusan. Prosedur-prosedur berkenaan boleh mencabul hak kepada integriti fizikal, bebas daripada penyeksaan dan layanan yang zalim, serta hidup bebas daripada amalan yang memudaratkan.

Prosedur-prosedur sedemikian selalunya dijustifikasikan melalui norma-norma budaya dan gender serta kepercayaan diskriminatif berkenaan individu interseks serta integrasi mereka dalam masyarakat.

Tingkah laku diskriminatif tidak boleh sama sekali menjustifikasi pencabulan hak asasi manusia, termasuklah rawatan secara paksa dan pencabulan hak kepada integriti fizikal seseorang. Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk membanteras stereotaip yang memudaratkan dan diskriminasi, bukan memperkukuhnya lagi. Prosedur-prosedur sedemikian kadang kala juga dijustifikasikan dengan menggunakan alasan kesihatan. Walau bagaimanapun, prosedur-prosedur sedemikian selalunya disokong oleh bukti yang lemah dan tanpa perbincangan berkenaan kaedah alternatif

yang boleh melindungi integriti fizikal serta menghormati autonomi individu-individu interseks. Malangnya, kepercayaan sedemikian dan tekanan masyarakat serta sosial selalunya dapat dilihat dikalangan doktor dan juga ibu bapa kanak-kanak interseks yang mungkin menggalakkan dan/atau memberikan persetujuan bagi prosedur-prosedur sedemikian, walaupun tiada petunjuk, keperluan atau kesegeraan perubatan. Tambahan pula, prosedur-prosedur sedemikian juga boleh mencabul piawaian hak asasi manusia. Persetujuan bagi prosedur-prosedur ini juga selalunya diberikan tanpa adanya maklumat berkenaan kesan jangka masa pendek dan panjang pembedahan sedemikian, serta tanpa pertemuan dengan individu interseks dewasa dan ahli keluarga mereka.

Ramai individu dewasa interseks yang telah terdedah atau menjalani pembedahan sedemikian semasa mereka kanak-kanak menekankan pengaiban dan stigma yang berkait rapat dengan percubaan untuk memadamkan ciri-ciri interseks mereka, serta kesan signifikan terhadap kesihatan fizikal dan mental, termasuklah daripada kesan fizikal pembedahan yang menyakitkan dan menyeluruh. Ramai juga yang berpandangan mereka dikotakkan secara paksa ke dalam kategori-kategori seks dan gender yang tidak menepati diri mereka.

Memandangkan prosedur-prosedur ini bersifat tetap dan mempunyai impak terhadap integriti fizikal serta autonomi individu interseks, pembedahan atau rawatan perubatan sedemikian yang tidak perlu seharusnya tidak dibenarkan atau dilarang. Kanak-kanak interseks dan ahli keluarga mereka seharusnya menerima kaunseling serta sokongan yang secukupnya daripada individu intersekslain dan ahli keluarga mereka.

## DISKRIMINASI

Individu interseks sering kali mengalami diskriminasi dan penganiayaan apabila status interseks mereka diketahui, atau apabila mereka dianggap tidak mematuhi norma-norma gender. Undang-undang anti-diskriminasi selalunya tidak melarang diskriminasi terhadap individu interseks. Hal ini meningkatkan kerentanan kepada diskriminasi dalam pelbagai ruang, termasuklah perkhidmatan kesihatan, pendidikan, perkhidmatan awam, pekerjaan dan sukan. Golongan profesional kesihatan selalunya tidak mendapat latihan, maklumat dan pemahaman yang diperlukan untuk mengambil kira keperluan spesifik individu interseks, memberikan perkhidmatan kesihatan yang diperlukan, serta menghormati autonomi dan hak seorang individu interseks kepada integriti fizikal serta kesihatan.

Sesetengah individu interseks juga mengalami halangan dan diskriminasi sekiranya mereka mahu atau perlu untuk mengubah penanda jantina dalam sijil kelahiran serta dokumen-dokumen rasmi.

Atlet-atlet interseks pula mengalami cabaran yang spesifik. Terdapat beberapa kes di mana atlet-atlet perempuan interseks tidak dibenarkan untuk menyertai pertandingan sukan oleh sebab ciri-ciri interseks mereka. Walau bagaimanapun, status interseks seseorang tidak bermaksud kelebihan atau prestasi sukan yang lebih baik. Manakala variasi fizikal lain yang sebenarnya memberi kesan kepada prestasi sukan seseorang seperti ketinggian dan pembentukan otot pula tidak tertakluk kepada penelitian atau sekatan untuk menyertai pertandingan sukan.

## PERLINDUNGAN DAN PEMULIHAN

Individu interseks seharusnya dilindungi daripada pencabulan hak-hak mereka. Pencabulan hak, apabila ia berlaku, haruslah disiasat dan pelaku yang tertuduh haruslah didakwa. Mangsa pula seharusnya mempunyai akses kepada penyelesaian yang efektif, termasuklah ganti rugi dan penyelesaian lain.

Individu interseks seharusnya dilibatkan dalam proses penggubalan undang-undang dan polisi yang memberi impak kepada hak mereka.

### PERKEMBANGAN POSITIF

Pada 2013 Australia telah memperkenalkan Sex Discrimination Amendment (Sexual Orientation, Gender Identity and Intersex Status) Act (Pindaan Diskriminasi Seks [Orientasi Seksual, Identiti Gender dan Status Interseks]) - undang-undang pertama di dunia yang menyertakan status interseks sebagai status yang dilindungi daripada diskriminasi. Senat Australia (sama seperti Dewan Negara di Malaysia) juga telah menjalankan sebuah ikuri rasmi berkenaan sterilisasi secara paksa atau tidak sukarela terhadap individu-individu interseks.

Pada 2015 Malta telah memperkenalkan Gender Identity, Gender Expression and Sex Characteristics Act atau Akta Identiti Gender, Ekspresi Gender dan Ciri-ciri Seks - undang-undang pertama di dunia untuk melarang pembedahan atau rawatan terhadap kanak-kanak atau individu interseks di bawah umur 18 tahun tanpa kebenaran bermaklumat. Akta tersebut juga melarang diskriminasi atas dasar ciri-ciri seks.

## TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL

### Kerajaan:

- Melarang pembedahan dan prosedur-prosedur bagi ciri-ciri seks kanak-kanak interseks yang tidak diperlukan, melindungi integriti fizikal serta hormati autonomi mereka.
- Memastikan individu interseks dan keluarga mereka menerima kaunseling serta sokongan yang secukupnya, termasuklah daripada individu interseks yang lain serta ahli keluarga mereka
- Melarang diskriminasi atas dasar ciri-ciri atau status interseks seseorang, termasuklah dalam pendidikan, kesihatan, pekerjaan, sukan dan akses kepada perkhidmatan awam, serta mengatasi diskriminasi sedemikian melalui usaha-usaha anti-diskriminasi yang berkaitan.
- Memastikan pencabulan hak asasi manusia terhadap golongan interseks disiasat dan pelaku yang tertuduh dikenakan hukuman yang setimpal, serta mangsa pencabulan sedemikian mempunyai akses kepada penyelesaian yang efektif, termasuklah ganti rugi dan penyelesaian lain.
- Badan-badan hak asasi manusia kebangsaan seharusnya menjalankan penyelidikan dan memantau situasi hak asasi manusia golongan interseks.
- Menggubal undang-undang bagi memperkenalkan prosedur untuk mengubah penanda jantina dalam sijil kelahiran dan dokumen-dokumen rasmi golongan interseks.
- Menyediakan latihan bagi kakitangan kesihatan berkenaan keperluan kesihatan dan hak asasi manusia individu interseks serta nasihat dan sokongan yang perlu diberikan kepada ibu bapa

serta kanak-kanak interseks, untuk menghormati autonomi, integriti fizikal dan ciri-ciri seks individu interseks.

- Memastikan sistem kehakiman, pegawai imigresen, pegawai penguatkuasa, kesihatan, pendidikan dan kakitangan kerajaan lain menerima latihan untuk menghormati serta memberikan layanan yang saksama kepada individu interseks.
- Memastikan individu dan organisasi interseks dirujuk dan terlibat dalam proses penggubalan undang-undang dan polisi serta pembentukan penyelidikan yang memberi impak kepada hak mereka.

### Media:

- Menyertakan suara-suara individu dan organisasi/kumpulan interseks dalam liputan surat khabar, TV serta radio.
- Memberikan gambaran yang objektif dan tidak bias berkenaan individu-individu interseks serta isu-isu hak asasi yang dialami oleh mereka.
- Jangan membuat andaian berkenaan orientasi seksual dan identiti gender individu-individu interseks.

**Anda, rakan-rakan anda, dan individu-individu lain juga boleh membantu dalam membawa perubahan:**

- Bersuara apabila anda melihat apa-apa bentuk diskriminasi atau keganasan terhadap individu interseks.
- Ingat bahawa individu-individu interseks juga mempunyai orientasi seksual dan identiti gender.

### Acknowledgement for UN Factsheet in Malay:

Projek perterjemahan 'UN Intersex Factsheet' kepada bahasa yang digunakan di Asia adalah sebuah projek oleh Intersex Asia yang dibiayai oleh RFSL. Intersex Asia berterima kasih kepada komuniti interseks di Malaysia, dan Justice for Sisters di atas sokongan dari segi input, suntungan serta terjemahan.

Ribuan terima kasih kepada UN Free & Equal Campaign dan OHCHR yang telah menyokong projek terjemahan ini. Terjemahan ini merupakan terjemahan bukan rasmi dari dokumen asal dalam Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia. Terjemahan ini telah disemak dan disokong oleh aktivis interseks di peringkat nasional. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak bertanggungjawab terhadap ketepatan terjemahan tidak rasmi ini.

Produced by:



Source:



Our Sponsors:



Allies:

